

13/06/2001

Rafidah nafi bakal Menteri Kewangan

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menolak khabar angin mengatakan beliau adalah salah seorang calon yang bakal dilantik sebagai Menteri Kewangan.

Katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai khabar angin berkenaan dan tidak mahu dikaitkan dengan sebarang ramalan mengenai jawatan itu kerana segala keputusan terletak di tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tak tahu apa-apa. Saya baru balik (dari China) Jumaat lalu... jangan sebut pasal tawaran... itu bidang kuasa Perdana Menteri," katanya kepada pemberita .

Rafidah juga menggesa supaya tidak ada sebarang spekulasi dibuat mengenai perkara itu kerana ia boleh memporak-perandakan keadaan.

"Tak usah buat ramalan apa-apa kerana kerajaan kita berjalan dengan baik... semua menteri bekerja dengan kuat untuk memastikan ekonomi terus berkembang.

"Saya sendiri pun dengan pegawai-pegawai saya, sibuk memastikan sasaran perdagangan terus dicapai. Kita tak ada masa dengan ramalan. Baik kita teruskan bekerja," kata Rafidah.

Beliau ditemuai selepas melancarkan Laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2000 dan Laporan Produktiviti 2000, di Petaling Jaya.

Spekulasi mengenai pelantikan Menteri Kewangan menjadi perbualan hangat kini berikutan pengunduran Tun Daim Zainuddin daripada jawatan berkenaan, 10 hari lalu.

(END)